

**D.R.** 7/99

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

## **RANGUNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah (Pindaan) 1999.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

### **Pindaan seksyen 4**

2. Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981[Akta 242], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 4—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

"(b) memungut dan menyusun kumpul—

(i) apa-apa maklumat yang didapati perlu oleh Ketua Pengarah untuk membantu pegawai-pegawai dan penilai-penilai dalam membuat penilaian; dan

- (ii) apa-apa maklumat yang didapati perlu oleh Ketua Pengarah mengenai segala atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan harta;";
- (ii) dengan memotong perkataan "dan" di hujung perenggan (ba) dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (ba) perenggan yang berikut:
  - "(bb) memberikan maklumat dan nasihat kepada Kerajaan dan mana-mana Kerajaan Negeri atau mana-mana orang mengenai perkara yang berkaitan dengan harta;
  - (bc) mengadakan perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan latihan, perkhidmatan penyelidikan dan perkhidmatan lain yang berhubung dengan fungsi Ketua Pengarah di bawah Akta ini kepada Kerajaan dan mana-mana Kerajaan Negeri atau mana-mana orang; dan";
- (b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:
  - "(3) Berkenaan dengan perenggan (b) dan (bb) subseksyen (1), Ketua Pengarah boleh, kecuali jika maklumat itu diklasifikasikan sebagai sulit oleh atau bagi pihak Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri, menurut budi bicaranya memberi mana-mana orang atau golongan orang apa-apa maklumat yang dipungut atau disusun kumpul olehnya apabila dibayar fi atau caj yang ditetapkan oleh Menteri."; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:
  - "(3A) Maklumat yang diberikan di bawah subseksyen (3) boleh termasuk—
    - (a) butir-butir mengenai mana-mana penjualan atau pindah milik tanah, bangunan dan apa-apa kepentingan mengenainya;

- (b) maklumat mengenai kedudukan perbekalan dan permintaan mengenai harta;
- (c) maklumat mengenai ketersediaan sumber pembiayaan bagi pembelian atau pemajuan harta;
- (d) maklumat mengenai pergerakan harga harta dan sewa harta;
- (e) maklumat mengenai pemajuan harta (termasuk kos pemajuan), pelaburan harta dan pengurusan harta dalam segala atau mana-mana sektor pasaran harta; dan
- (f) maklumat yang perlu bagi pemajuan indeks pasaran harta dan indeks kos."

### **Pindaan seksyen 5**

#### 3. Seksyen 5 Akta ini dipinda---

##### (a) dalam subseksyen (1)---

- (i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan "apa-apa kerja yang dijalankan olehnya mengikut" dengan perkataan "menjalankan fungsi Ketua Pengarah di bawah";
- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan "kerjanya" dengan perkataan "fungsinya di bawah Akta ini"; dan
- (iii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan "kerja itu" dengan perkataan "menjalankan fungsinya di bawah Akta ini"; dan

##### (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "kerjanya" dengan perkataan "fungsinya di bawah Akta ini".

**Pindaan seksyen 6**

## 4. Seksyen 6 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "mengenai kerjanya" dengan perkataan "untuk menjalankan fungsinya di bawah Akta ini";
- (b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:
  - "(2) Maklumat yang dikehendaki di bawah subseksyen (I) hendaklah termasuk—
    - (a) butir-butir mengenai penjualan, pembelian, keputusan lelong dan tender, penyewaan dan pemajakan; dan
    - (b) apa-apa maklumat lain yang didapati perlu oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan fungsinya di bawah Akta ini."; dan
- (c) dalam subseksyen (3)—
  - (i) dengan menggantikan perkataan "borang itu" dengan perkataan "maklumat yang dikehendaki"; dan
  - (ii) dengan menggantikan perkataan "ia" dengan perkataan "orang itu adalah".

---

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah 1981 ("Akta 242").

2. *Fasal 1* Rang Undang-Undang ini mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 242 untuk menjelaskan dan meluaskan fungsi Ketua Pengarah untuk membolehkan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta menubuhkan dan menyenggarakan Unit Maklumat Harta Tanah Negara untuk mengumpul maklumat yang berkaitan dengan harta yang kemudiannya boleh disebarikan kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, badan berkanun, pertubuhan perbadanan dan orang awam. Pindaan ini juga bertujuan untuk membolehkan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta mengadakan perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan

latihan, perkhidmatan penyelidikan dan perkhidmatan lain yang berhubung dengan fungsi Ketua Pengarah di bawah Akta itu kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, badan berkanun, pertubuhan perbadanan dan orang awam.

4. *Fasal 3* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 242 untuk meluaskan kuasa Ketua Pengarah untuk masuk ke dalam tanah, bangunan dan premis dan untuk mendapatkan maklumat.

5. *Fasal 4* Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 242 untuk meluaskan kuasa Ketua Pengarah untuk menghendaki pengemukaan maklumat yang dikehendaki. Adalah menjadi suatu kesalahan untuk enggan mengemukakan maklumat yang dikehendaki atau dengan sengaja mengemukakan maklumat palsu dan hukuman apabila disabitkan ialah denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

6. Pindaan lain yang tidak diperkatakan dengan khusus dalam Huraian ini adalah pindaan yang kecil atau berbangkit.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang jumlahnya tidak dapat ditentukan pada masa ini.

[PN(U)2128]